



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SELASA, 21 OKTOBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



21/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KES ROGOL BERKUMPULAN, SEBAR VIDEO LUCAH: EMPAT TERMASUK 3 PELAJAR DIDAKWA ESOK		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/kes-rogol-berkumpulan-sebar-video-lucah-empat-termasuk-3-pelajar-didakwa-esok/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1277875/4-remaja-terbabit-penularan-rakaman-video-perbuatan-tidak-bermoral-didakwa	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1461209/kes-rogol-berkumpulan-sebar-video-lucah-empat-termasuk-3-pelajar-didakwa	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/20/empat-remaja-kes-rogol-pelajar-15-tahun-dituduh-esok/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/753290/berita/semasa/tiga-pelajar-seorang-bekas-pelajar-terlibat-kes-rogol-didakwa-esok	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/10/20/4-didakwa-esok-kes-rogol-berkumpulan-sebar-video-lucah	FREEMALYSIATODAY.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiga-pelajar-seorang-bekas-pelajar-terlibat-kes-rogol-didakwa-esok-543758	ASTROAWANI.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/10/20/4-teenagers-to-be-charged-with-statutory-rape-in-baling	FREEMALYSIATODAY.COM	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1298568/four-be-charged-tomorrow-statutory-rape-circulation-immoral-act-video	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	PPSEAWA CAWANGAN SARAWAK UMUM ANJUR WOMEN EMPOWERMENT RUN 2026		POSITIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/10/20/ppseawa-cawangan-sarawak-umum-anjur-women-empowerment-run-2026	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/10/20/ppseawa-sarawak-anjur-women-empowerment-run-2026/	TVSARAWAK.MY	



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



21/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	SUMBANGAN DEEPAVALI CERIAKAN MASYARAKAT KAUM INDIA PARLIMEN MASJID TANAH		POSITIF
	https://malaysiaaktif.my/2025/10/sumbangan-deepavali-ceraiakan-masyarakat-kaum-india-parlimen-masjid-tanah/	MALAYSIAAKTIF.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	BANGKITKAN SEMULA PENDIDIKAN AKHLAK BASMI ZINA, ELAK ROGOL		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2025/10/1461082/bangkitkan-semula-pendidikan-akhlak-basmi-zina-elak-rogol	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	WANITA, BAYI TIGA BULAN SESAT TIGA JAM DALAM HUTAN		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/utama/2025/10/1277826/wanita-bayi-tiga-bulan-sesat-tiga-jam-dalam-hutan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/20/ibu-bayi-3-bulan-sesat-dua-jam-dalam-hutan-laluan-kubur/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1298554/grave-turn-navigation-app-takes-woman-baby-deep-forest	NST.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kes rogol berkumpulan, sebar video lucah: Empat termasuk 3 pelajar didakwa esok

🕒 20 Oktober 2025, 4:12pm



Oleh: Zuliaty Zulkiffli

BALING: Empat termasuk tiga pelajar yang ditahan sebelum ini kerana disyaki terbabit kes penularan rakaman video dan perbuatan tidak bermoral membabitkan perempuan berusia 15 tahun, akan didakwa di mahkamah di sini, esok.

Pemangku Ketua Polis Daerah Baling, Deputy Superintendan Ahmad Salimi Md Ali berkata, pihaknya sudah mendapat arahan pendakwaan ke atas suspek berusia 15 hingga 17 tahun itu daripada Timbalan Pendakwa Raya.

Katanya, mereka akan didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap kanak-kanak 2017 kerana melakukan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak.

“Pihak polis memandang serius kejadian ini dan menyeru orang ramai terutama ibu bapa dan penjaga untuk memantau kegiatan serta pergerakan anak-anak terutamanya di kalangan remaja,” katanya.

Media sebelum ini melaporkan, tiga pelajar dan seorang bekas pelajar sebuah sekolah menengah di sini, ditahan selepas disyaki melakukan rogol secara berkumpulan dan menyebarkan bahan lucah.

Penahanan itu dilakukan selepas pengadu berusia 53 tahun memaklumkan guru disiplin sekolah itu pada jam 11 pagi, Ahad lalu berkaitan penularan rakaman video anaknya berusia 15 tahun berbogel.

Seorang daripada suspek berusia 17 tahun yang ditahan itu disyaki adalah teman lelaki kepada mangsa.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



PPSEAWA Cawangan Sarawak umum anjur Women Empowerment Run 2026

© Oktober 20, 2025, Isnin - 2:47pm



Munirah (empat kiri) bersama jawatankuasa penganjur yang lain mengumumkan acara larian Women Empowerment Run 2026 anjuran PPSEAWA pada Januari tahun depan.

KUCHING: Persatuan Wanita Pan Pasifik dan Asia Tenggara (PPSEAWA) Cawangan Sarawak hari ini mengumumkan penganjuran Women Empowerment Run 2026, satu acara larian komuniti yang bertujuan memperkasakan wanita serta memupuk semangat perpaduan dan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat Sarawak.

Acara berkonsepkan santai itu dijadualkan berlangsung pada 18 Januari 2026 di ruang legar Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) dan menawarkan dua kategori jarak iaitu tiga kilometer dan lima kilometer.

Menurut Presiden PPSEAWA Sarawak Dato Dr Munirah Mohd Hassan, penganjuran larian itu bukan sekadar aktiviti riadah, sebaliknya satu platform penting untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap peranan PPSEAWA dalam memperkukuh kedudukan wanita di pelbagai peringkat komuniti.

“Acara larian ini lebih daripada sekadar larian. Iamerupakan wadah untuk membina keyakinan diri, menghubungkan generasi serta menonjolkan pemimpin wanita tempatan, usahawan dan pelbagai perkhidmatan sokongan untuk kesejahteraan wanita,” katanya pada sidang media di sebuah hotel di sini semalam.

Tambah beliau, acara itu juga akan menonjolkan semangat perpaduan antara kaum di Sarawak melalui penglibatan peserta daripada pelbagai latar belakang termasuk agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta komuniti tempatan.

Secara tentatif, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri telah dijemput untuk hadir sebagai tetamu kehormat, tertakluk kepada pengesahan rasmi jadual beliau.

Kehadiran beliau dijangka akan memperkukuh mesej acara itu terhadap pemerkasaan wanita, kesihatan dan perpaduan komuniti.

Pendaftaran bagi Women Empowerment Run 2026 kini dibuka dan akan ditutup pada 15 Disember 2025, jam 11:59 malam, manakala harga promosi berlangsung hingga 31 Oktober 2025.

PPSEAWA Sarawak turut mengalu-alukan penyertaan dan sokongan daripada kementerian, jabatan kerajaan, pihak berkuasa tempatan, syarikat GLC serta korporat melalui pelbagai bentuk tajaan.

Antara bentuk sumbangan yang dialu-alukan termasuk tajaan dana tunai, tajaan barangan untuk cabutan bertuah atau beg cenderamata dan penajaan penyertaan pekerja untuk menyertaia cara berkenaan.

Menurut penganjur, larian itu dijangka menjadi acara tahunan PPSEAWA Sarawak yang menyatukan komuniti pelbagai kaum dan usia dalam usaha memperkukuh semangat wanita Sarawak yang berdaya tahan, berkeyakinan dan berinspirasi.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sumbangan Deepavali Ceriakan Masyarakat Kaum India Parlimen Masjid Tanah



MASJID TANAH, 20 Okt (MalaysiaAktif) – Seramai 175 penerima dalam kalangan masyarakat India di sekitar Parlimen Masjid Tanah menerima sumbangan sempena perayaan Deepavali yang berlangsung di Villa D'Acqua, Kampung Pulau, semalam.



Ab Rauf Yusoh menyampaikan sumbangan kepada penerima

Program ini merupakan hasil kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Melaka dan Yayasan Petronas, sebagai usaha meringankan beban golongan B40 serta menceriakan sambutan perayaan yang bakal tiba.

Menurut Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab Rauf

Yusoh sumbangan yang diberikan berjumlah RM35,000.

Selain itu, Yayasan Petronas juga turut berkongsi rezeki dengan memberi sumbangan sejumlah RM55,000 termasuk barangan keperluan asas kepada para penerima.

“Sumbangan ini diharap dapat menceriakan sambutan Deepavali dan menunjukkan semangat prihatin kerajaan serta sektor korporat terhadap masyarakat setempat,” menurut Ketua Menteri Melaka dalam ucapannya.



Sebahagian penerima sumbangan

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bangkitkan semula pendidikan akhlak basmi zina, elak rogol

Oleh Prof Madya Dr Azri Bhari dan Dr Nik Airin Aqmar Nik Azhar - Oktober 20, 2025 @ 10:41am



Pengurusan sekolah perlu mewujudkan sistem pengawasan berkeson, melatih guru dan kaunselor untuk mengenal pasti tanda awal gangguan seksual serta menyediakan saluran pelaporan sulit yang dipercayai. - Foto hiasan

MASYARAKAT Malaysia dikejutkan tragedi hitam berlaku di sebuah sekolah menengah di Melaka apabila seorang pelajar perempuan menjadi mangsa rogol secara bergilir oleh empat pelajar lelaki.

Keselamatan itu menjejaskan keyakinan terhadap institusi pendidikan yang sepatutnya menjadi tempat selamat untuk membina masa depan generasi muda. Kes ini bukan sekadar mencalar maruah pelajar berkenaan, tetapi turut menimbulkan keresahan ibu bapa serta kebimbangan terhadap keruntuhan moral remaja masa kini.

Tragedi itu menggambarkan masalah sosial yang dahulunya dilihat terasing, kini menular ke dalam ruang pendidikan. Sekolah sepatutnya menjadi benteng moral dan intelektual, namun kini turut menyaksikan ada pelajar terdorong kepada keganasan dan kelakuan seksual terlarang, pernyalagunaan telefon pintar dan sikap tidak peduli terhadap nilai agama.

Kes rogol yang berlaku dalam kalangan pelajar menggambarkan kemerosotan akhlak dan ketiadaan kawalan diri. Akar masalah ini sering berpunca daripada kelemahan pendidikan rohani, pengaruh media sosial tidak terkawal serta sikap longgar dalam pemantauan ibu bapa dan pihak sekolah.

Nabi SAW bersabda: "Tidaklah seseorang berzina ketika dia beriman." (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Hadis ini menegaskan perbuatan zina dan rogol adalah bertentangan secara mutlak dengan nilai iman serta akhlak. Islam menuntut pemeliharaan maruah dan kesucian diri melalui penjagaan pandangan, adab pergaulan dan penguahan takwa.

Allah SWT berfirman: "Katakanlah kepada orang lelaki yang beriman agar menahan pandangan mereka dan memelihara kehormatan mereka; yang demikian itu lebih suci bagi mereka." (Al-Nur: 30)

Ayat ini menjadi asas pencegahan gejala seksual dalam Islam adalah bukan sekadar menolak zina, tetapi juga menutup segala pintu yang membawa kepada perbuatan keji.

Pendidikan akhlak berteraskan kefahaman ayat ini perlu disemai sejak peringkat awal persekolahan agar pelajar memahami nilai maruah, batas pergaulan dan tanggungjawab terhadap diri.

Islam menegaskan setiap pemimpin memikul amanah terhadap golongan berada di bawah jajaan. Sabda Nabi SAW: "Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan ditanya tentang kepimpinannya." (HR Bukhari dan Muslim)

Sekolah sebagai institusi pendidikan, mempunyai tanggungjawab besar dalam memastikan persekitaran selamat bagi pelajar. Pengurusan sekolah perlu mewujudkan sistem pengawasan berkeson, melatih guru dan kaunselor untuk mengenal pasti tanda awal gangguan seksual serta menyediakan saluran pelaporan sulit yang dipercayai.

Langkah Kementerian Pendidikan (KPM) memperkenalkan garis panduan keselamatan baharu amat wajar, namun penguatkuasaan dan budaya pencegahan mesti diutamakan. Pihak sekolah juga perlu menilai semula program pendidikan moral dan agama agar tidak sekadar bersifat kognitif, tetapi mampu membentuk jiwa dan emosi pelajar.

Penekanan terhadap konsep ta'dib, iaitu pendidikan berasaskan adab adalah wajar diperluaskan kerana pelajar yang beradab akan tahu membezakan antara kehendak nafsu dan batas syarak.

Masyarakat pula harus menolak sikap menyalahkan mangsa atau menganggap isu rogol sebagai aib keluarga semata-mata. Sebaliknya, semua pihak mesti membantu mangsa mendapatkan keadilan dan sokongan emosi tanpa stigma.

Islam menolak sebarang bentuk penindasan terhadap yang lemah. Firman Allah SWT: "Dan janganlah kebencian kamu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih hampir kepada takwa." (Al-Maidah: 8)

Ayat ini menegaskan keadilan sebagai asas utama masyarakat Islam, termasuk keadilan kepada mangsa gangguan dan rogol.

Islam tidak menolak pendidikan seksual, namun pelaksanaannya mesti berdasarkan adab dan nilai agama. Pelajar perlu diajar mengenai konsep aurat, batas pergaulan, hormat terhadap tubuh sendiri dan orang lain serta implikasi dosa dan undang-undang terhadap perbuatan zina dan rogol.

Program pendidikan seksual bermaruah ini boleh disepadukan bersama subjek Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Pendidikan Kesihatan.

Peranan ibu bapa turut penting sebagai pendidik pertama dalam keluarga. Rumah yang diwarnai suasana kasih sayang, pengawasan mesra dan komunikasi terbuka mampu mencegah anak-anak daripada mencari perhatian di luar kawalan.

Nabi SAW bersabda: "Tidak ada suatu pemberian seorang ayah kepada anaknya yang lebih utama daripada adab (akhlak) yang baik." (HR Ahmad, Tirmizi dan Baihaqi)

Justeru, tragedi rogol di sekolah menggambarkan krisis nilai yang menuntut kebangkitan semula pendidikan akhlak Islam. Tanggungjawab membanteras gejala ini tidak hanya terletak pada KPM, bahkan keluarga, komuniti, media dan institusi agama.

Tindakan kerajaan memperketat keselamatan sekolah wajar dipuji, namun perubahan hakiki hanya berlaku apabila nilai takwa dan maruah dijadikan asas kehidupan. Islam menegaskan masyarakat sejahtera dibina atas asas iman, adab dan keadilan.

Firman Allah SWT: "Sesungguhnya Allah tidak mengubah nasib sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri." (Al-Ra'd: 11)

Ayat ini menuntut refleksi diri dan tindakan kolektif dalam memperkukuh akidah, memperhalusi akhlak serta memperteguh sistem pendidikan agar kembali kepada asas rabbani.

Kes rogol di sekolah mesti menjadi pengajaran besar bahawa pendidikan bukan hanya soal akademik, tetapi pembinaan manusia berjiwa bersih dan berakhlak tinggi.

Apabila nilai agama dihidupkan, maruah akan terpelihara, institusi pendidikan akan kembali menjadi taman ilmu dan akhlak yang melahirkan insan berguna untuk agama, bangsa dan negara.

Azri adalah Ahli Jawatankuasa Pembangunan Wakaf dan Zakat, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK), manakala Nik Airin Aqmar adalah lulusan Doktor Falsafah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UITM)

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita, bayi tiga bulan sesat tiga jam dalam hutan

Suharmin Yusuf
suharmin.yusuf@metro.com.my



Fadylla Ismail bersama bayi kecilnya dan anak saudaranya ketika tersesat dalam hutan selepas melalui kawasan perkuburan lama di Bangi Lama, di sini, Sabtu lalu. FOTO Ihsan Fadylla

Semenyih: "Kiri sungai, dikelilingi hutan, di hadapan lubang besar... saya cuma mampu tawakal," kata Fadylla Ismail, 34, yang tersesat lebih tiga jam dalam hutan selepas melalui kawasan perkuburan lama di Kampung Batu 3, Bangi Lama, di sini, Sabtu lalu.

Berkongsi detik cemas itu, Fadylla berkata, kejadian berlaku ketika dia menghantar pembantu rumah pulang ke kampung berkenaan kira-kira jam 7 malam bersama bayi kecilnya dan anak saudaranya.

Katanya, itu kali pertama dia menjejakkan kaki ke kawasan terbabit dan menggunakan aplikasi navigasi untuk mencari jalan pulang ke rumahnya di Semenyih.

"Namun, laluan yang ditunjukkan membawa saya melalui jalan sempit dan sunyi berhampiran kawasan perkuburan lama.

"Saya tak sedap hati bila nampak kawasan kubur kiri kanan, tapi aplikasi navigasi tunjuk terus ke depan.

"Lama-lama makin dalam sampai saya tak tahu di mana. Rangkaian Internet telefon pun hilang," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Fadylla yang memandu kereta sedan model BMW berkata, keadaan jalan yang sempit dan berlubang menyebabkan keretanya tersangkut.

"Saya cuba ubah laluan tapi tak boleh sebab tiada Internet. Jalan depan gelap, belakang lubang besar, kiri pula sungai," katanya.

Katanya, keadaan menjadi semakin cemas apabila bayi kecilnya berusia tiga bulan, Sayf Gibran, menangis tanpa henti dalam keadaan gelap dan sunyi.

"Saya cuba hubungi 999 tapi talian asyik terputus. Masa tu saya dah sesak nafas, serangan anxiety datang. Saya cuma doa moga ada orang jumpa," katanya.

Katanya, dia sempat memuat naik hantaran ringkas di media sosial meminta bantuan walaupun capaian Internet ketika itu sangat lemah.

"Saya tak sangka video saya dalam kereta tu akan tersebar. Ramai tak tahu saya memang dalam panik dan hampir tak boleh bernafas," katanya.

Menurutnya, pasukan polis dari Balai Semenyih dan Kajang bersama anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat (JPBM) akhirnya menemui mereka kira-kira jam 9 malam selepas mengesan lokasi melalui panggilan kecemasan yang terputus-putus.

"Saya sangat berterima kasih kepada dua anggota polis peronda dan bomba yang menyelamatkan kami. Dalam keadaan gelap dan saya hampir panik, mereka datang tepat pada masanya," katanya.

Katanya, suaminya yang bergegas dari tempat kerja turut membantu dalam operasi mencari sebelum akhirnya menemui mereka dalam keadaan selamat.

"Saya sangat bersyukur. Walaupun kereta rosak teruk, nyawa kami selamat. Moga pengalaman ini jadi pengajaran supaya berhati-hati guna aplikasi navigasi terutama bila memandu waktu malam," katanya.